

## **PUTRAJAYA**

### **Red Bull tiada alkohol**

Kementerian Kesihatan mengesahkan minuman berperisa jenama Red Bull yang dijual di Malaysia tidak mengandungi alkohol atau dadah selain tidak melanggar undang-undang pemakanan tempatan.

Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan kementerian itu, Nooraini Mohd Othman, berkata minuman jenama berkenaan yang dijual di negara ini diimport dari Thailand dan dikilangkan di Malaysia.

Beliau berkata, Malaysia tidak mengimport produk Red Bull dan Red Bull Cola dari Austria yang dilaporkan mengandungi alkohol dan dadah jenis kokain dalam kuantiti yang sedikit.